

Hai-O Marketing lebar sayap ke Indonesia

KUALA LUMPUR: Syarikat jualan langsung Hai-O Marketing Sdn Bhd bakal melebarkan sayapnya ke pasaran Indonesia bulan depan sebagai usaha dalam menyahut cabaran membawakan jenama berkenaan pada peringkat antarabangsa.

Perkara itu diumumkan Pengarah Urusannya, Tan Kai Hee pada majlis makan malam dan penganugerahan pangkat Diamond Sales Manager (DSM), Double Diamond Manager (DDM) dan insentif Tabung Kereta di Malaysia International & Exhibition Convention Centre, Seri Kembangan, baru-baru ini.

Tan berkata, Indonesia menawarkan pasaran lebih luas berbanding negara ini, sekali gus memberi peluang

untuk syarikat berkenaan memulakan tapak bagi memperkenalkan jenamanya pada peringkat global khususnya di rantau Asia Tenggara.

"Selepas Indonesia, kita akan berusaha untuk memajukan jenama Hai-O Marketing ke negara lain supaya setanding dengan jenama jualan langsung lain. China misalnya menawarkan pasaran berkali ganda lebih besar tetapi terlalu banyak halangan untuk memasukinya," katanya yang berucap di hadapan lebih 5,000 usahawan yang menghadiri majlis berkenaan.

Majlis yang dihadiri Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob itu turut menyaksikan pelancaran buku Wadah Hai-O

iaitu garis panduan dan etika yang bakal diguna pakai ahli Hai-O sebagai amalan etika dalam perniagaan jualan langsung.

Wadah itu juga diharapkan dapat menyangkal maklumat tidak tepat dan negatif mengenai konsep jualan langsung yang diamalkan syarikat berkenaan, di samping membetulkan konsep dalam menjalankan perniagaan seumpama.

"Setiap ahli wajib memilikinya kerana sekiranya ada yang melanggar akta dan melanggar etika ditetapkan, syarikat tidak ragu-ragu dan bersedia 'merotan' mereka

Pada majlis berkenaan, Hai-O Marketing memberi penganugerahan kepada usahawan cemerlang dengan pangkat DSM, pangkat DDM iaitu pangkat kedua tertinggi dalam pelan pemasaran MLM syarikat berkenaan dan insentif berbentuk Tabung Kereta kerana prestasi jualan cemerlang.

Ditubuhkan pada 1992, Hai-O Marketing ialah syarikat jualan langsung yang menjalankan perniagaan secara pemasaran berbilang peringkat dan berjaya melahirkan ramai usahawan dan jutawan dengan jumlah ahli 146,000 dengan 95 peratus adalah golongan Bumiputera.



ISMAIL SABRI (empat dari kiri) bersama Tan (tengah) bergambar dengan penerima anugerah usahawan wanita cemerlang pada majlis penganugerahan DSM, DDM dan Tabung Kereta di Mines Resort, Seri Kembangan.

ZULFAHMI ZULKIFLI BERITA HARIAN